

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA [KETEREH]**

Tan Sri Datuk Seri Panglima Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian mempromosikan dan memupuk kesedaran melalui penggunaan aplikasi telefon pintar seperti ' Smart Shopper Malaysia' yang dibangunkan sejak 2013 bertujuan membandingkan harga asal dan harga seunit di pasar raya agar menjadi rujukan pengguna dalam membuat pilihan bijak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah melancarkan pelbagai aplikasi telefon pintar seperti berikut:

- i. MyKIRA GST pada 30 Mac 2015 sebagai alat interaktif dalam talian bagi memudahkan pengguna menyemak harga barang;
- ii. Ez Adu KPDNKK pada 16 April 2015 bagi memudahkan pengguna menyalurkan informasi dan aduan melalui telefon pintar; dan
- iii. Aplikasi Paparan Harga yang turut boleh diakses melalui laman sesawang 1Malaysia Pengguna Bijak www.1pengguna.com.

Kementerian akan mengkaji cadangan untuk membangunkan aplikasi telefon pintar 'Shopper's Guide' yang boleh memuatkan lebih banyak data harga termasuk barangan yang dikenakan GST bagi membolehkan pengguna membuat pilihan dan perbandingan harga terlebih dahulu sebelum satu-satu pembelian dibuat. Setiap aplikasi yang dibangunkan ini akan dapat membantu mendidik pengguna membuat pilihan bijak dan membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat.